

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN : TANGGUNGJAWAB SIAPA?

[SN108] Isu hutang pendidikan muncul lagi. Kali ini pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memfailkan saman terhadap 111 peminjam pada Isnin lalu (5/2/07). Ini merupakan kumpulan pertama daripada 1,000 orang peminjam yang telah disenarai hitamkan. Dengan adanya perintah mahkamah nanti, kegagalan peminjam terbabit boleh menyebabkan waran tangkap dikeluarkan dan peminjam berhadapan dengan tindakan penjara, diisytihar bankrap dan harta benda disita. Ketua Eksekutif PTPTN, Yunus Abdul Ghani, berkata PTPTN sudah menghantar notis tuntutan terhadap 1,000 peminjam terbabit, tetapi mereka tetap berdegil dan masih enggan melunaskan pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan. Nama-nama mereka ini telah dimasukkan ke dalam rekod Credit Tip Off Service Sdn. Bhd. (CTOS) dan Bris Information Services Sdn. Bhd. (BRIS) yang menyebabkan mereka tidak boleh membuat pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan [BH 02/02/07]. Mereka adalah sebahagian daripada 38,484 graduan yang tidak menghubungi PTPTN selepas tamat pengajian pada 1999 walaupun telah diberi notis peringatan terakhir.

Ini semua adalah usaha untuk mendapatkan semula tunggakan hutang berjumlah RM867 juta. Banyak usaha telah dilakukan sebelum ini seperti menyiarkan nama 1,249 pelajar yang gagal melunaskan hutang menerusi beberapa akhbar tempatan [UM 28/03/06], menolak permohonan pinjaman pelajaran anak bagi mereka yang belum melunaskan hutang, dan memutuskan akan melarang 16,000 peminjam ke luar negara melalui Jabatan Imigresen sebagai langkah terakhir jika peminjam tidak menghiraukan notis, surat peringatan dan tindakan mahkamah. [BH 22/04/06]. Sehingga tahun berakhir 2005, PTPTN hanya berjaya mengutip 48.9% atau RM191.8 juta daripada RM391.9 juta yang diberikan kepada 265,611 peminjam. Jumlah tertunggak adalah RM200.1 juta [BH 22/04/06]. Pengerusi PTPTN, Datuk Razali Ismail berkata jumlah kutipan itu belum mencukupi bagi mengisi semula dana PTPTN untuk memberikan kemudahan pinjaman kepada pelajar lain [UM 11/04/06].

Pendidikan – Kemudahan Atau Bebanan?

Berita-berita seperti di atas cukup menyakitkan, samada bagi pihak kerajaan mahupun pelajar, malah bagi pihak ibubapa sekalipun. Bagi kerajaan, setiap penghutang mesti dihukum. Bagi pelajar pula, ia ibarat tangan kanan memberi, manakala tangan kiri pula menikam! Bagi rakyat Malaysia khususnya, isu ini bukanlah satu perkara baru yang memeranjatkan. Ia muncul hampir setiap tahun dan senantiasia diperkatakan. Apa pun, tidak banyak pilihan yang ada, sama ada bagi pelajar atau ibubapa. Ibubapa terpaksa akur demi ingin melihat anak-anak masuk Universiti. Bagi golongan yang berpendapatan rendah, walaupun cukup pedih dengan pinjaman yang dikenakan, tetapi hati tetap terubat dengan melihat kejayaan anak menjejakkan kaki ke menara gading. Bagi para pelajar pula, terpaksa pejam mata bersetuju dengan segala syarat yang dikenakan, jika tidak hancurlah harapan untuk memperolehi segulung ijazah.

Namun demikian, yang menyedihkan kita adalah tidak ramai dari kalangan ibubapa mahupun pelajar itu sendiri melihat dengan mata hati akan apa yang berlaku. Hampir tidak kedengaran munculnya golongan yang mempertikaikan apa yang dilakukan oleh kerajaan, dari segi sama ada tindakan kerajaan ini bertepatan dengan

Islam atau tidak. Kebanyakan pihak seolah-olah ‘mengakui’ bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan itu adalah sesuatu yang patut atau dengan kata lain, tidak bersalahan dengan agama. Masing-masing tidak bangkit untuk bertanya, apakah di dalam Islam, sesebuah kerajaan itu berhak mengenakan bayaran sesuka hati ke atas rakyatnya yang ingin menuntut ilmu? Apakah yang dilakukan itu haram atau tidak? Jika haram, apakah kita hanya dituntut berdiam diri menyaksikan keharaman ini, atau kita wajib berusaha untuk menghapuskannya?

Pada masa di mana semua umat Islam beriman dengan hadis Rasulullah bahawa menuntut ilmu itu adalah wajib, di dalam masa yang sama mereka tidak peka atau bertanya lebih lanjut, kepada siapakah Allah bebaskan kewajipan untuk menyediakan segala sarana dan prasarana pendidikan, demi membolehkan umat Islam itu menuntut ilmu? Mereka juga tidak bertanya, apakah Islam yang merupakan satu agama yang sistematik ini tidak mengatur urusan pendidikan umatnya? Adakah Islam tidak membahas semua ini? Inilah padahnya apabila kita hidup dan dibesarkan di dalam sistem kufur ciptaan manusia, sehingga pemikiran kita diracun sepenuhnya oleh cara berfikir yang telah penjajah kafir tanamkan. Rata-rata umat Islam hanya memilih jalan untuk berdiam diri dan pasrah dengan apa yang ada. Mereka tidak mahu mengkaji

bagaimanakah sistem pendidikan Islam, apatah lagi berjuang untuk menegakkan kebenarannya. Alangkah jauhnya mereka dari Islam!

Dengan sistem kufur kapitalis yang diamalkan sekarang, pihak pemerintah telah mengenakan bayaran kepada setiap pelajar, dari peringkat rendah, menengah hinggalah ke peringkat universiti. Pendek kata, apabila anak-anak telah mula memasuki alam persekolahan, ibubapa, khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana mula pening kepala. Apa tidaknya, dari peralatan sekolah, buku teks, buku latihan, yuran dan sebagainya semuanya terbeban di atas bahu mereka. Semakin tinggi tingkat persekolahan, semakin besarlah beban tersebut, apatah lagi apabila anak-anak berjaya meneruskan pelajaran hingga ke peringkat universiti. Justeru, tidak hairanlah apabila kita sering mendengar bahawa terdapat ibubapa yang tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah semata-mata kerana tidak mampu membayar perbelanjaan sekolah. Semuanya menjadi satu beban yang berat. Tambah memeritkan bagi peminjam PTPTN, riba sebanyak 4% (1999) atau 3% (2004) dikenakan untuk bayaran balik hutang, walaupun pekerjaan belum tentu dapat diraih. Ini belum lagi peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam akhbar tentang wang pinjaman yang lewat diberikan oleh kerajaan [BH 16/06/06], pelajar terpaksa mengikat perut, makan mee segera, sehingga ada segelintir pelajar melakukan perkara-perkara maksiat untuk menampung perbelanjaan. Isu pembiayaan ini juga memberi kesan kepada ribuan pusat latihan dan kolej swasta yang terpaksa berkubur kerana jumlah pelajar yang semakin berkurangan akibat tiadanya pembiayaan [UM 02/02/06].

Iniilah impak nyata dari penerapan sistem kapitalis di dalam negeri umat Islam. Pendidikan yang sepatutnya disediakan oleh negara secara percuma sepenuhnya dan merupakan satu kemudahan serta hak rakyat, kini ia menjadi satu bebanan dan lebih buruk, dicampur dengan unsur-unsur haram di dalamnya. Pemerintah bukan setakat mengenakan bayaran yang tidak sepatutnya, malah mereka mendapat 'keuntungan' pula dengan riba yang dikenakan.

PTPTN dan Alasan

PTPTN adalah sebuah badan yang ditubuhkan oleh kerajaan di bawah Akta Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566). PTPTN mula beroperasi pada 1 November 1997. Ia berfungsi untuk mengadakan dan memberikan pinjaman pendidikan berbentuk bantuan kewangan. Ia juga menguruskan perkhidmatan mentadbir, mengawas dan memungut bayaran balik pinjaman serta memungut deposit, merekabentuk dan menyediakan skim simpanan bagi maksud menyimpan bagi tujuan pendidikan tinggi [<http://www.ptptn.gov.my>].

PTPTN dikatakan kononnya dapat membantu rakyat untuk menampung kos pembelajaran dan sara hidup yang semakin meningkat. Ia sebenarnya adalah satu daripada

pelepasan tanggungjawab kerajaan. Semenjak 1990-an, bantuan kewangan kerajaan kepada pelajar institusi pengajian tinggi telah semakin berubah daripada biasiswa kepada bentuk pinjaman. Selain itu PTPTN telah diserahkan tugas untuk menyalurkan pinjaman kepada pelajar. Perubahan atau peralihan tugas ini dirasakan perlu atas alasan permintaan memasuki pengajian tinggi meningkat dan kerajaan ingin meluaskan peluang melanjutkan pendidikan. Program pinjaman ini dikatakan memberi faedah yang lebih besar. Selain itu ada juga yang mengatakan jika pelajar diberi biasiswa, mereka tidak menghargainya sehingga tidak belajar bersungguh-sungguh dan ada yang mengamalkan corak perbelanjaan yang berlebihan. Ia dikatakan adil kerana pihak yang mendapat faedah terbesar secara langsung adalah para pelajar dan ia merupakan satu pelaburan untuk masa hadapan. Ini semua benar jika dilihat dari sudut kacamata Kapitalis. Semua asasnya adalah manfaat dan balasan fizikal.

Kesemua alasan ini hanyalah pengalihan perhatian daripada tanggungjawab kerajaan. Pada hakikatnya jaminan peluang dan biaya pendidikan adalah tanggungjawab kerajaan sepenuhnya. Ia sepatutnya menyediakan kesemua kemudahan untuk belajar dan membuka peluang kepada **setiap individu** rakyatnya untuk mendapat pendidikan tanpa batas. Ia adalah sebagai tanggungjawab dan bukannya untuk meraih manfaat. Selain itu alasan tidak menghargai dan berbelanja berlebihan adalah tidak wajar kerana ia adalah kes terencil. Daripada satu kajian yang dijalankan mengenai pembiayaan dan perbelanjaan pelajar di beberapa buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia pada 2004, daripada 1200 responden, hanya 16% menerima satu sahaja sumber pembiayaan iaitu PTPTN. Ini bermakna mereka tidak ada sumber kewangan yang lain. Selebihnya terpaksa mendapatkan sumber tambahan seperti meminta daripada ibubapa dan keluarga, bekerja sambilan, menggunakan wang simpanan sendiri, pinjaman daripada keluarga dan rakan, wang zakat dan lain-lain. Lebih 27% pelajar mengakui pernah atau sedang bekerja sambilan. Fenomena pelajar bekerja semasa melanjutkan pelajaran akan semakin meningkat dengan meningkatnya kos pendidikan. Pelajar yang tidak mendapat pinjaman PTPTN mengakui mereka menanggung beban kewangan dan mengalami tekanan.

Pendapat yang mengatakan pelajar mengamalkan corak perbelanjaan yang berlebihan juga boleh dipersoalkan. Walaupun ia berlaku kepada pelajar di negara-negara Barat daripada kemudahan mendapat kredit yang telah mewujudkan masalah moral, namun kajian di negara ini menunjukkan bahawa pelajar masih menganggap pinjaman tersebut adalah untuk melanjutkan pengajian dan perbelanjaan mereka tidak ada kaitan dengan sikap toleran terhadap hutang [UM 13/04/06].

Tambahan lagi, mengapa pula perlu dibandingkan pendidikan di Barat dengan pendidikan di dalam negara.

Apakah ia hanya sekadar untuk menjustifikasikan tindakan? Namun jika perbandingan benar-benar ingin dilakukan, ia mestilah dibuat dari seluruh aspek, bukan dari satu sudut sahaja. Sebagai contoh, jika dilihat dari sudut pembiayaan pendidikan, sistem pembiayaan pendidikan di Barat dapat dikategorikan kepada empat jenis. Jenis pertama adalah subsidi penuh sehingga pendidikan benar-benar percuma. Contohnya di Jerman dan Austria, pendidikan adalah percuma sejak Sekolah Rendah hingga ke peringkat kedoktoran (PhD). Jenis kedua pula adalah mirip jenis pertama, cuma biaya hanya disediakan di peringkat pendidikan tinggi sahaja dan masa dihadkan contohnya hanya sehingga mencapai umur tertentu atau tempoh pengajian tertentu. Setelah itu, mahasiswa akan dikenakan bayaran jika kelulusannya tertunda. Contoh negara yang menerapkan sistem seperti ini adalah Belanda.

Jenis ketiga adalah pembiayaan pendidikan percuma hanya sehingga peringkat Sekolah Menengah, tetapi peringkat pengajian tinggi dikenakan yuran, walaupun masih bersubsidi. Jenis keempat adalah pendidikan pembiayaan sendiri. Caranya bermacam-macam; ada yang melibatkan komuniti atau alumni, kerjasama dengan industri atau perbankan (kredit pendidikan), atau menjadikan pendidikan sebagai aktiviti komersil. Contoh ini banyak di Amerika, walaupun ada juga model jenis ketiga. Apa yang jelas dari keempat-empat model ini, terdapat model di mana negara menanggung sepenuhnya biaya pendidikan rakyatnya. Persoalannya, jika benar-benar nak merujuk kepada Barat, kenapa ‘model percuma’ ini tidak dijadikan ikutan? Ternyata terdapat sikap ‘double standard’ di sini. Apapun, bukanlah minat kami untuk melakukan perbandingan dengan Barat, cuma kadangkadangkang hal ini membuatkan kita terfikir, bahawa negara yang jelas-jelas kafir, adakalanya jauh lebih baik menjaga kebajikan rakyat berbanding negara yang mengaku Islam.

Pendidikan Islam adalah Percuma

Di dalam Islam, menuntut ilmu adalah wajib dan tidak boleh diabaikan. Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wa Sallam* bersabda, “*Menuntut ilmu wajib bagi setiap Muslim.*” [HR Ibnu Adi dan Baihaqi]. Allah *Subhanahu wa Ta’ala* mewajibkan setiap Muslim untuk menuntut ilmu dan mendapatkan berbagai ilmu yang diperlukannya dalam kehidupan. Ilmu dianggap sebagai sesuatu yang wajib dan termasuk keperluan serta hak asas setiap individu. Berdasarkan apa yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wa Sallam*, baginda telah mengarahkan tawanan Perang Badar untuk mengajar membaca dan menulis sepuluh anak kaum Muslimin sebagai syarat penebusan mereka. Dengan tindakan ini, yakni membebaskan para tawanan dengan cara menyuruh mereka mengajar anak-anak kaum Muslimin, bererti Rasulullah telah menjadikan biaya pendidikan setara dengan barang tebusan. Maksudnya, Rasulullah (seperti) telah memberi upah kepada para pengajar itu dengan harta benda yang seharusnya menjadi milik Baitul Mal.

Rasulullah juga bersabda, “*Seorang imam (pemimpin) itu adalah penggembala (pemelihara) dan dia bertanggungjawab di atas pemeliharaannya...*” [HR Ahmad, Syaikh, Tirmidzi, Abu Daud dari Ibnu Umar]. Hadis ini dengan jelas meletakkan tanggungjawab pemeliharaan atau penjagaan ke atas bahu para pemimpin. Justeru, di dalam bidang pendidikan, memberi pendidikan dan menyediakan segala kemudahan yang berkaitan dengannya adalah wajib ke atas setiap pemimpin dan semuanya mesti disediakan secara percuma kepada rakyat. Dia wajib menjaga rakyatnya, bukan membebankan rakyatnya. Bebanan yang diletakkan ke atas bahu rakyat adalah satu bentuk penindasan dan kezaliman oleh sang pemimpin. Maka, haram ke atas pemimpin melakukan maksiat ini dan mereka pasti akan disoal oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* di atas kezaliman dan dosa yang mereka lakukan.

Selain hadis-hadis di atas, terdapat kesepakatan (Ijma’) sahabat tentang pemberian gaji kepada para guru yang dananya diambil dari Baitul Mal, dan anak-anak kaum Muslimin tidak dikenakan apa-apa bayaran untuk belajar. Wadhiah bin Atha meriwayatkan: “*Di Madinah terdapat tiga orang guru yang mengajar anak-anak. Khalifah Umar memberikan nafkah kepada tiap-tiap mereka lima belas dinar setiap bulan.*” (satu dinar = 4.25 gram emas). Di samping itu, para khalifah sepanjang masa ketika Daulah Khilafah Islamiyyah memerintah, juga memberikan pendidikan percuma kepada warganegaranya. Hal ini menunjukkan bahawa masalah pembiayaan pendidikan adalah tanggungjawab negara. Atas dasar ini, negara wajib menyediakan pendidikan percuma kepada warganegaranya, sama ada Muslim maupun kafir dzimmi, agar mereka boleh menjalankan kewajibannya (menuntut ilmu) atau memenuhi keperluan asas mereka.

Negara wajib menyediakan pendidikan secara percuma bagi setiap warganegaranya, sama ada yang fakir miskin mahupun kaya. **Setiap warganegara** berhak memperoleh pendidikan percuma di semua peringkat pendidikan. Segala kos tidak boleh dikenakan, bukan hanya yuran, tetapi juga termasuk perbelanjaan buku, peralatan dan lain-lain. Semua bayaran pendidikan, termasuk gaji pendidik (guru), tenaga bukan akademik, infrastruktur sekolah, alat bantuan belajar dan mengajar, alat-alat sokongan lain yang diperlukan (seperti asrama pelajar, klinik kesihatan, pejabat pentadbiran dan lain-lain) semuanya wajib disediakan oleh negara secara percuma. **Rakyat dibolehkan menyumbang untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut sebagai bentuk amal jariah, tetapi bukan sebagai tanggungjawab. Pemimpinlah yang akan bertanggungjawab di hadapan Allah Subhanahu wa Ta’ala terhadap terpenuhnya segala kemudahan-kemudahan tersebut, sesuai dengan sifatnya sebagai pemelihara umat.**

Setiap pemimpin wajib bersungguh-sungguh berusaha meningkatkan perolehan pendapatan negara, seperti yang telah dicontohkan Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wa*

Sallam dalam mengelola perekonomian negara, agar boleh memenuhi keperluan asas bagi setiap warganegara, bukan sahaja di dalam sektor pendidikan, malah sektor kesihatan, keselamatan, infrastruktur dan semua yang lain. Negara tidak hanya sekadar berkewajiban menyediakan pendidikan percuma, tetapi juga berkewajiban bertindak sebagai penyelenggara sistem pendidikan yang berkualiti, dengan asas pendidikan dan tujuan pendidikan sebagaimana yang digariskan oleh Islam. Bagaimana negara (Khilafah) dapat menjalankan semua tanggungjawab ini secara sempurna memerlukan perbincangan yang berbeza. Buat masa ini kami hanya memfokuskan perbincangan kepada prinsip pembiayaan pendidikan di dalam Islam secara umum.

Sekilas Fakta Pendidikan Di Zaman Khilafah

Di masa kejayaan Islam, sejak abad ke-4H, telah dibangun banyak sekolah Islam. Sebelum wujudnya sekolah di dalam bentuk formal, pendidikan ketika itu biasanya dilakukan di masjid-masjid, majlis-majlis ta'lim dan beberapa tempat pendidikan yang tidak formal lainnya. Muhammad Athiyah al-Abrasi, di dalam buku *Dasar-Dasar Pendidikan Islam* memaparkan usaha-usaha para khalifah untuk membangun sekolah-sekolah tersebut. Dalam perkembangannya, setiap Khalifah berlumba-lumba membina sekolah tinggi Islam dan berusaha memperluangkannya dengan pelbagai kemudahan yang diperlukan. Setiap sekolah tinggi dilengkapi dengan auditorium, dewan mesyuarat, asrama mahasiswa, perumahan pensyarah dan ulama. Selain itu, sekolah tinggi tersebut juga dilengkapi dengan bilik mandi, dapur dan dewan makan, malah terdapat juga taman rekreasi.

Di antara sekolah-sekolah tinggi yang penting dan terkenal ialah *Madrasah Nizhamiyah* dan *Madrasah al-Mustanshiriyah* di Baghdad, *Madrasah al-Nuriyah* di Damsyik serta *Madrasah an-Nashiyah* di Kaherah. Di antara madrasah-madrasah ini, yang terbaik ialah *Madrasah Nizhamiyah* yang mana ia dijadikan asas ukuran bagi madrasah di daerah lain di Iraq, Khurasan (Iran) dan tempat-tempat lain. *Madrasah al-Mustanshiriyah* di Baghdad didirikan oleh Khalifah al-Mustanshir pada abad ke-6H. Ia memiliki sebuah auditorium dan perpustakaan yang dipenuhi pelbagai jenis kitab yang cukup untuk keperluan proses pembelajaran. Selain itu, madrasah ini juga dilengkapi dengan kamar mandi dan klinik yang doktornya sentiasa tersedia. Madrasah lain yang juga cukup terkenal adalah *Madrasah Darul Hikmah* di Kaherah yang didirikan oleh Khalifah al-Hakim bi-amrillah pada tahun 395H. Madrasah ini adalah sebuah institut pendidikan yang dilengkapi dengan perpustakaan yang dipenuhi dengan ruang ulangkaji dan pelbagai kemudahan pendidikan lainnya. Perpustakaananya dibuka untuk orang-ramai. Semua orang

juga dibenarkan mendengar kuliah, ceramah ilmiah, simposium, aktiviti kesusasteraan dan pengajaran agama.

Di *Madrasah al-Mustanshiriyah* yang didirikan oleh Khalifah al-Mustanshir di kota Baghdad, setiap mahasiswa menerima biasiswa berupa wang emas dari negara. Kehidupan seharian mereka juga ditanggung. Makanan berupa roti dan daging disediakan tanpa bayaran sedikit pun. Kemudahan madrasah tersedia lengkap seperti perpustakaan yang dipenuhi dengan buku-buku, klinik dan kamar mandi. Begitu juga dengan *Madrasah an-Nuriyah* di Damsyik yang didirikan pada abad ke-6H oleh Nuruddin Muhammad Zengi. Di sekolah ini terdapat kemudahan seperti asrama, perumahan staf pengajar, tempat istirahat serta dewan ceramah yang luas.

Demikianlah sedikit paparan tentang sejarah kegemilangan pendidikan Islam di zaman Khilafah yang memerintah berdasarkan sistem Islam. Para Khalifah sedar akan tanggungjawab mereka sebagai pemimpin yang wajib menyediakan pendidikan percuma kepada rakyat. Sayangnya kekhilafahan sudah hilang saat ini dan yang tinggal hanyalah pemimpin-pemimpin yang rakus menindas umat dan merompak segala kekayaan negara untuk kepentingan diri sendiri dan keluarga serta kroni-kroni mereka. Para pemimpin hidup dilimpahi kesenangan, umat hidup dihimpit penderitaan. Wang yang begitu banyak dihabiskan untuk projek-projek yang tidak berfaedah, kononnya atas nama pembangunan, walhal kemiskinan wujud dimana-mana. Tanggungjawab mereka tidak ditunai, hak umat diabaikan. Alangkah dekatnya mereka dengan azab Allah!

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Sedarlah bahawa segala penderitaan yang dialami oleh kalian adalah kerana tidak diterapkannya Sistem Pemerintahan Islam di dalam kehidupan. Kalian semua tahu bahawa sistem yang ada sekarang adalah sistem yang didasarkan kepada hawa nafsu, bukannya Kitabullah dan as-Sunnah. Sistem yang mewujudkan para pemimpin yang melalaikan ketaatan kepada Allah dan RasulNya, mengutamakan dunia dan melupakan Akhirat. Sistem yang pada hakikatnya mengabaikan hak kalian, menindas dan menzalimi kalian walhal kalian adalah orang-orang yang sedar tentang semua itu. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kalian untuk berusaha mengubah semua ini dengan kembali kepada Allah dan RasulNya, menerapkan hukum-hukum Islam secara kaffah melalui penegakkan Daulah Khilafah Islamiyyah. Sesungguhnya Allah tidak akan merubah keadaan kalian kecuali kalian sendirilah yang merubahnya.

Wallahu a'lam.